

# LAPORAN TAHUNAN JABATAN HAL EHWAL VETERAN 2018

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN JABATAN HAL EHWAL VETERAN 2018

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Laporan Tahunan 2018

© Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, 301 Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50802 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2050 8000 Faks: 03-2691 7564 Emel: aduanjhev@mod.gov.my

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM



# kandungan


Perutusan ..... 5

Maklumat Korporat ..... 11

- Carta Organisasi ..... 12
- Fungsi ..... 13
- Definisi Veteran ..... 14
- Piagam Pelanggan ..... 14
- Dasar Kualiti ..... 14
- Misi, Visi, Objektif ..... 15

Bahagian Pencen ..... 17

Bahagian Kebajikan ..... 25

Bahagian Kewangan & Akaun ..... 31

Bahagian Kerjaya Dan Sosioekonomi ..... 35

Bahagian Dasar ..... 39

Unit Komunikasi Korporat ..... 47

Bahagian Khidmat Pengurusan ..... 53

Bahagian Pengurusan Maklumat ..... 67

Yayasan Veteran ATM ..... 75

Cawangan Negeri JHEV ATM ..... 81

Keratan Akhbar ..... 85

# PERUTUSAN

# Perutusan
## Menteri Pertahanan Malaysia




**YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) buat pertama kalinya berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan yang pertama bagi tahun 2018. Alhamdulillah, sejak ditubuhkan pada 1 Januari 2001 di bawah Kementerian Pertahanan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 11 Oktober 2000, objektif Jabatan ini ditubuhkan adalah sebagai pusat sehenti untuk menjaga kebajikan dan membantu Veteran ATM menjalani kehidupan yang selesa sebagai pengiktirafan di atas pengorbanan mereka semasa dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Di samping menguruskan faedah-faedah persaraan dan membayar pencen kepada pesara tentera, JHEV ATM turut merancang dan menyediakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan serta beberapa kemudahan lain yang berkaitan Veteran ATM dan JHEV ATM juga memantau pelaksanaan kursus dan latihan, pra latihan peralihan dan pasca peralihan yang dikendali oleh PERHEBAT untuk persediaan mendapatkan pekerjaan kedua di sektor awam dan swasta selepas bersara serta mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan.

> *"Di dalam menentukan manisfestasi kepimpinan tertinggi ini tercapai, saya akan memfokuskan empat teras utama iaitu; Pendekatan Media, Pendekatan Fizikal, Kerjasama Antara Agensi dan Pemerkasaan JHEV ATM supaya segala usaha yang dilaksanakan terarah untuk merealisasikan visi dan misi yang telah digariskan."*

Berasaskan fokus utama di atas, saya yakin JHEV ATM akan mampu mengorak langkah menjadi sebuah organisasi yang mantap dan cemerlang dengan kerjasama erat dari semua lapisan kakitangan. Akhir kata, marilah kita sama-sama menggembleng tenaga, usaha dan buah fikiran di dalam memastikan JHEV ATM berada di landasan yang sewajarnya di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan bukan sahaja kepada warga veteran, malah mampu memberi sumbangan dan impak positif kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

# Perutusan
## Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan



**Dato' Halimi bin Abdul Manaf**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Alhamdulillah, saya rafakkan kesyukuran dan pujian kepada Allah S.W.T serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W kerana diberi peluang mengungkap kata aluan dalam penerbitan Laporan Tahunan 2018 Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) yang pertama kalinya diterbitkan.

Selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, saya bertanggungjawab secara langsung terhadap perkembangan, kemajuan, serta kesejahteraan Veteran Angkatan Tentera Malaysia. Veteran ATM adalah kumpulan penting yang perlu diberi perhatian khusus oleh Kementerian Pertahanan dan kerajaan. Mereka adalah kelompok yang berjasa besar kepada negara sejak sekian lama. Kementerian melalui JHEV ATM sentiasa meletakkan keutamaan kepada agenda kebajikan Veteran ATM untuk meringankan bebanan sara hidup yang kian meningkat.

> *"Sejumlah lebih RM3.3 bilion diperuntukkan pada tahun 2018 untuk pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada Veteran ATM mahupun keluarga mereka."*

Peruntukan ini diantaranya disalurkan kepada Veteran ATM bagi bayaran pencen faedah perubatan, Bantuan Mengurus Jenazah, Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan, bayaran Ex Gratia dan bayaran Insurgensi Khas Veteran ATM.

Di dalam menjamin kesejahteraan Veteran ATM di masa hadapan, Kementerian Pertahanan akan meneruskan dan menambah baik skim-skim bantuan sedia ada. Di samping meneroka peluang-peluang kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan surat untuk membuka peluang kerjaya kedua kepada veteran ATM. Kesemua usaha ini diharapkan akan menambahbaik taraf sosioekonomi veteran ATM.

Sekian, terima kasih.

# Perutusan
## Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia



**YBhg. Mejar Jeneral Dato' Dzulkarnain bin Ahmad**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buku Laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) diterbitkan buat pertama kalinya. Tahniah diucapkan kepada Unit Komunikasi Korporat, JHEV kerana berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan ini. Bersesuaian dengan peredaran masa dan seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin mencabar, Kementerian Pertahananan melalui JHEV ATM telah mengambil pendekatan baru dalam menjaga kebajikan Veteran ATM. Berpandukan Teras Kebajikan yang merupakan salah satu daripada lima teras utama Program Hala Tuju MINDEF, penekanan terhadap perkara melibatkan aspek kebajikan Veteran ATM, melalui agenda dan program-program kebajikan sosial adalah antara aktiviti utama. Selain itu, JHEV ATM akan memberi fokus kerjasama dengan agensi awam & swasta, bagi membuka peluang kerja kedua kepada para Veteran ATM.

Pada awal tahun 2018, pembayaran Insentif Khas Insurgensi untuk Veteran ATM telahpun dilaksanakan selaras pengumuman Bajet 2017 pada 28 Oktober 2016 di mana kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM55 juta bagi membayar insentif ini. Pembayaran ini melibatkan semua veteran yang hilang upaya kekal sebelum 1 Jan 2001 di mana kecederaan kekal mereka ini adalah disebabkan atau diperkaitkan dengan tugas semasa perkhidmatan. Bayaran Insentif Khas Insurgensi merupakan insentif tambahan kepada faedah hilangupaya yang sedia ada.

> ***"Kebelakangan ini, JHEV ATM banyak menerima maklumat daripada Veteran ATM sendiri, keluarga mereka, persatuan atau orang ramai yang prihatin berkenaan Veteran ATM atau balu mereka yang sedang sakit, atau yang dalam kesusahan. JHEV ATM amat berterima kasih kerana dengan adanya penyampaian maklumat sebegini menggambarkan kerjasama erat semua peringkat masyarakat dengan JHEV ATM dari kebajikan ATM."***

Saya sebagai Ketua Pengarah JHEV ATM akan sentiasa memberi perhatian ke atas isu-isu berkaitan Veteran ATM selaras moto "Kesejahteraan Veteran ATM Keutamaan Kami" agar para Veteran ATM akan dikenang sebagai seorang pahlawan negara yang sentiasa terbela, dihormati dan dihargai selamanya. Selain itu, saya ingin menyeru agar semua Veteran ATM terus menyumbang kepada pembangunan negara selaras dengan slogan kata "Service Never Stop". Apa yang penting adalah untuk Veteran ATM terus menyokong usaha-usaha baik kerajaan demi kesejahteraan negara dan kita semua.

Sekian, terima kasih.





















# MAKLUMAT KORPORAT

# 01 Maklumat Korporat



## FUNGSI PENUBUHAN

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM atau JHEV telah ditubuhkan pada 11 Oktober, 2000. Ia telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan Malaysia. JHEV telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Januari, 2001 dengan berlokasi di Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Objektif utama jabatan ini adalah untuk membantu para pesara Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Antara fungsi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut:

1. Menggubal dasar bagi melindungi kepentingan di samping mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM

2. Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV seperti berikut:
   - Bantuan Sara Hidup
   - Bantuan Persekolahan
   - Bantuan Peralatan Pesakit
   - Bantuan Kemasukan Ke Institut Pengajian Tinggi
   - Bantuan Bencana Alam.

3. Memantau pelaksanaan kursus/latihan, Pra Latihan Peralihan, Latihan Peralihan dan Pasca Peralihan yang dikendalikan oleh PERHEBAT.

4. Membantu Veteran ATM mendapatkan pekerjaan kedua di sektor awam dan swasta.

5. Membantu mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan serta menyelaras khidmat bantuan dari jabatan dan Agensi Kerajaan berkaitan.

6. Mengurus dan memantau faedah-faedah persaraan serta kemudahan rawatan perubatan Veteran ATM dan tanggungan yang layak.

7. Memupuk dan mengekalkan kesedaran orang awam terhadap sumbangan dan pengorbanan Veteran ATM

## DEFINISI VETERAN

Veteran terdiri dari rakyat Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dalam mana-mana pasukan keselamatan seperti berikut:

1. Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
2. Pasukan Simpanan ATM yang dikerah sepenuh masa tanpa mengira tempoh khidmat;
3. Force 136;
4. Tentera British yang berkhidmat di Malaysia/ Singapura (British Army);
5. Sarawak Rangers

## PIAGAM PELANGGAN

1. Menyemak dan memproses pembayaran seperti berikut dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap
   - Pencen Perkhidmatan
   - Ganjaran Perkhidmatan
   - Faedah Ganti Cuti Rehat (FGCR)
   - Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM)
   - Faedah Hilang Upaya
   - Faedah Kematian Kepada Orang Tanggungan Anggota Tentera yang meninggal dunia dalam perkhidmatan

2. Permohonan Skim Bantuan Kebajikan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diproses dalam tempoh tiga ( 3) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.

## Skim Bantuan Kebajikan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

- Bantuan Sara Hidup
- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Institut Pengajian Tinggi
- Bantuan Peralatan Pesakit
- Bantuan Bencana/Kecemasan

## DASAR KUALITI

Komitmen kepada kualiti oleh Tim Pengurusan JHEV diperjelaskan di dalam Dasar Kualiti berikut:

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM** sentiasa komited dalam menghulurkan bantuan kebajikan, meningkatkan pembangunan sosioekonomi Veteran ATM melalui latihan, penjodohan dan penempatan kerjaya serta melaksanakan bayaran pencen menerusi pengurusan yang sistematik dan profesional yang berlandaskan piawaian MS ISO 9001 : 2008.

**SENTIASA BERSUNGGUH-SUNGGUH** untuk memperolehi kecemerlangan dalam perkhidmatan yang diberi kepada Veteran ATM melalui aktiviti penambahbaikan secara berterusan.

**SENTIASA KOMITED** untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, efisien dan yang boleh memenuhi kepuasan semua Veteran ATM.

Untuk mencapai ini, JHEV akan sentiasa mengambil tindakan berikut:

**SENTIASA KOMITED** di dalam menjaga kesejahteraan Veteran ATM menerusi pengurusan yang sistematik dan profesional berlandaskan MS ISO 9001:2008.

MEMASTIKAN penglibatan semua peringkat warga organisasi untuk mencapai sistem pengurusan yang berkualiti.

## VISI

**MEWUJUDKAN KOMUNITI VETERAN YANG SEJAHTERA DAN CINTAKAN NEGARA**

## MISI

**Memberi khidmat One Stop Centre yang cekap dan profesional kepada Veteran ATM sebagai pengiktirafan di atas pengorbanan mereka**

## OBJEKTIF

Objektif Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut :

1. Meningkatkan keupayaan Veteran ATM ke tahap yang lebih kompetitif agar kualiti hidup mereka bertambah baik.
2. Membantu agar proses peralihan Veteran ATM dari perkhidmatan tentera yang aktif kepada kehidupan awam berjalan dengan lancar.
3. Menghargai Veteran ATM dengan penghormatan dan program yang sewajarnya sebagai manifestasi pengorbanan mereka terhadap negara.
4. Menjadi pusat sumber berkaitan Veteran ATM.
5. Melaksana program promosi yang lebih meluas bagi meningkatkan lagi imej Jabatan.

# BAHAGIAN PENCEN

# 02 Bahagian Pencen

## UNIT PENTADBIRAN DAN KAD BEKAS TENTERA (KBT)

1. Memberi perkhidmatan berkaitan khidmat nasihat, rundingan dan penerimaan borang permohonan berkaitan faedah-faedah persaraan dan perubatan melalui kaunter perkhidmatan.

2. Mengurus, mentadbir dan menyelenggara fail-fail veteran sama ada berpencen atau tidak berpencen.

3. Memberi maklum balas dan menyediakan jawapan kepada isu-isu berkaitan faedah persaraan yang dibangkitkan sama ada melalui pertanyaan Parlimen, media massa atau media elektronik.

4. Mencetak Kad Bekas Tentera (KBT) yang menjadi pengenalan kepada veteran ATM dan sebagai kegunaan bagi mendapatkan kemudahan perubatan yang disediakan oleh Kerajaan secara percuma.

5. Menyelaras dan mengumpul maklumat berkaitan Veteran ATM.

6. Menyediakan laporan dan statistik bagi kegunaan Kementerian Pertahanan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain pihak yang berkaitan.

7. Sebagai pegawai perhubungan dengan Jabatan Arah Rekod dan Pencen bagi tujuan penyelarasan data, maklumat serta penerimaan dokumen berkaitan pembayaran faedah persaraan kepada Veteran ATM.

## UNIT PERUBATAN

1. Urusetia bersama kepada Jawatankuasa Kebajikan dan Perubatan.

2. Menyediakan kertas kerja dan dibentangkan kepada Lembaga Penentu Sebab Kesihatan.

3. Memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan faedah-faedah perubatan.

4. Menyelaras penyediaan maklumat permohonan veteran bagi tujuan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia.

5. Memproses permohonan pusat dialisis untuk menjadi panel pusat haemodialisis Jabatan.

6. Memproses dan membuat bayaran kepada tuntutan pembayaran balik perbelanjaan perubatan oleh veteran.

7. Memproses dan membuat bayaran kepada tuntutan pembekalan ubat dan peralatan pesakit oleh syarikat.

## UNIT PELARASAN

1. Memberi khidmat nasihat dan rundingan berkaitan faedah-faedah persaraan.
2. Melaksanakan kerja-kerja penyelarasan pencen selaras dengan dasar baru yang diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.
3. Menyelaras aktiviti pelaksanaan berkaitan faedah kepada veteran yang diumum Kerajaan dari masa ke semasa.
4. Mengemaskini maklumat veteran ke dalam VIBES4.
5. Menyemak dan memantau pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan berkaitan faedah persaraan.
6. Memproses dan membuat pembayaran bagi faedah-faedah tambahan kepada veteran.
7. Melaksanakan potongan pencen bagi tujuan menyelesaikan hutang-hutang Kerajaan yang belum diselesaikan selain dari pinjaman perumahan Kerajaan.



## UNIT PENCEN TERBITAN

1. Memberi perkhidmatan berkaitan khidmat nasihat, rundingan dan penerimaan borang permohonan berkaitan faedah-faedah persaraan berikutan kematian veteran.
2. Memproses dan membuat pembayaran ke atas tuntutan Bantuan Mengurus Jenazah.
3. Memproses dan membuat pembayaran ke atas permohonan faedah-faedah persaraan akibat kematian veteran.
4. Melaksanakan pertukaran skim pembayaran pencen dari skim B ke skim A.
5. Memproses dan membuat pembayaran kepada waris veteran wang yang dipulangkan dari bank.
6. Melaksana pertukaran akaun pembayaran pencen atas permohonan balu/duda/anak yang menerima pencen.
7. Memulih dan menghentikan pembayaran pencen kepada waris veteran mengikut kelayakan seperti yang digariskan di dalam peraturan.
8. Melaksanakan proses-proses pengenal pastian dan pembayaran semula kepada kes-kes pencen yang tidak dituntut.



## UNIT PENCEN PERKHIDMATAN DAN HILANG UPAYA

1. Memberi perkhidmatan berkaitan khidmat nasihat, rundingan dan penerimaan borang permohonan berkaitan faedah-faedah persaraan.

2. Menerima permohonan dan melengkapkan maklumat berkaitan permohonan rayuan veteran berkaitan ulang kaji peratusan hilang upaya.

3. Memproses dokumen faedah persaraan veteran dan membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Melaksana dan menghentikan potongan pencen veteran bagi pembayaran balik pinjaman perumahan Kerajaan.

5. Melaksanakan pertukaran akaun pembayaran pencen atas permohonan veteran.

6. Melaksana dan menghentikan potongan pencen bagi tujuan potongan nafkah kepada isteri dan anak selaras dengan arahan mahkamah dan juga kes-kes bankrap.

7. Menghadiri perbicaraan mahkamah sebagai saksi berkaitan kes-kes tuntutan nafkah veteran yang bercerai.

8. Ahli kepada mesyuarat Lembaga Penentu Sebab Kesihatan bagi kes-kes anggota yang masih berkhidmat.

9. Melaksanakan proses-proses pengenal pastian dan pembayaran semula kepada kes-kes pencen yang tidak dituntut.

# FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN

Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM berperanan untuk mengurus dan memantau proses pembayaran faedah-faedah persaraan pegawai dan anggota ATM. Faedah Persaraan merangkumi faedah-faedah perkhidmatan, faedah kematian dan faedah hilang upaya. Selain itu, Bahagian Pencen juga melaksanakan pelarasan pencen dan kemudahan perubatan kepada veteran ATM.

## 1 Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya

| Bil | Perkara | Jumlah Penerima | Amaun Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pencen Perkhidmatan | 3,938 | 10,376,348.44 |
| 2 | Ganjaran Perkhidmatan | 3,934 | 415,327,584.51 |
| 3 | Ganjaran Tamat Perkhidmatan | 139 | 25,293,811.97 |
| 4 | Ganjaran Ihsan | 11 | 1,796,883.79 |
| 5 | Pencen Hilang Upaya | 38 | 254,202.37 |
| 6 | Ganjaran Hilang Upaya | 136 | 320,439.00 |
| 7 | Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) | 5,409 | 128,668,655.61 |
| 8 | Ex-Gratia Bencana Kerja Bulanan | 23 | 796,299.58 |
| 9 | Ex-Gratia Bencana Kerja Pukal | 157 | 4,370,185.15 |
| 10 | Insurgensi | 33 | 706,279.92 |
| 11 | Elaun Pelajaran | 157 | 182,510.00 |
| 12 | Elaun Tamat Perkhidmatan Mobilisasi (ETPM) | 102 | 1,611,553.06 |

Jadual 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya bagi tahun 2018

## 2 Faedah Kematian

| Bil | Perkara | Jumlah Penerima | Amaun Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Bantuan Mengurus Jenazah (BMJ) | 1,833 | 5,499,000.00 |
| 2 | Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Perkhidmatan (MDP) | 100 | 160,814.29 |
| 3 | Pencen Terbitan - Meninggal Dalam Persaraan (MDS) | 1,459 | 4,772,669.62 |
| 4 | Ganjaran Terbitan | 100 | 5,005,685.12 |
| 5 | Faedah Gantian Cuti Rehat (FGCR) | 98 | 1,427,741.76 |
| 6 | Pencen Orang Tanggungan | 8 | 155,247.33 |
| 7 | Ganjaran Orang Tanggungan | 0 | 0 |
| 8 | Ex-Gratia Orang Tanggungan | 14 | 528,334.35 |
| 9 | Insurgensi Orang Tanggungan | 2 | 38,194.86 |

Jadual 2 : Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Faedah Kematian bagi tahun 2018.

## 3 Penyelarasan Pencen

| Bil | Kes | Kes Selesai | Faedah | Peruntukan Terlibat (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ulangkaji - Gaji Akhir/Band | 3,414 | Pencen | 1,317,730.99 |
| | | | Ganjaran | 3,381,098.54 |
| | | | FGCR | 1,033,735.70 |
| 2 | Kenaikan Tahunan | 2,787 | Pencen (Hilang Upaya / + 2 %) | 2,686,455.50 |

Jadual 3 : Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Pelarasan Pencen tahun 2018.

## 4 Kemudahan Perubatan

### a. Tidak Berpencen

| Bil | Perkara | Jumlah Penerima | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Haemodialisis | 1,960 | 14,019,534.36 |
| 2 | Alat Ortopedik & Implan | 106 | 705,261.43 |
| 3 | Alat Bantuan Pendengaran | 35 | 184,084.07 |
| 4 | Kanta Mata | 179 | 139,228.40 |
| 5 | Oksigen Concentrator | 37 | 254,885.00 |
| 6 | Institut Jantung Negara (IJN) | 406 | 887,675.50 |
| 7 | Kes Kecemasan | 0 | 0 |
| 8 | Tuntutan Perjalanan Rawatan | 56 | 26,430.89 |
| 9 | Pembelian Ubat | 961 | 2,217,242.85 |
| 10 | Rawatan Perubatan | 56 | 102,739.65 |
| 11 | Alat Rawatan Jantung | 24 | 292,104.95 |
| | **Jumlah** | **3,820** | **18,829,187.10** |

Jadual 4: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Tidak Berpencen 2018

### b. Berpencen

| Bil | Perkara | Jumlah Penerima | Jumlah Perbelanjaan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Haemodialisis | 4,239 | 42,311,459.87 |
| 2 | Alat Ortopedik & Implan | 244 | 1,797,491.12 |
| 3 | Alat Bantuan Pendengaran | 81 | 427,160.30 |
| 4 | Kanta Mata | 311 | 263,510.83 |
| 5 | Oksigen Concentrator | 114 | 891,791.80 |
| 6 | Institut Jantung Negara (IJN) | 0 | 0 |
| 7 | Kes Kecemasan | 0 | 0 |
| 8 | Tuntutan Perjalanan Rawatan | 251 | 119,249.19 |
| 9 | Pembelian Ubat | 5,211 | 9,266,657.01 |
| 10 | Rawatan Perubatan | 49 | 63,682.74 |
| 11 | Alat Rawatan Jantung | 27 | 227,195.85 |
| | **Jumlah** | **10,527** | **55,368,198.71** |

Jadual 5: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Berpencen tahun 2018.

## PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYATA PENCEN ONLINE VETERAN ATM

Perkhidmatan Sistem penyata pencen secara online disediakan oleh pihak JHEV ATM adalah sebagai salah satu platform bagi veteran ATM membuat semakan penyata pencen atas talian pada bila-bila masa yang diperlukan. Penambahbaikan sistem ini dibangunkan bagi mengatasi pelbagai isu penerimaan penyata pencen veteran sebelum ini. Kini penyata pencen veteran ATM boleh diakses atau memuat turun penyata oleh veteran ATM sendiri tanpa melalui permohonan secara manual kepada pihak JHEV ATM. Sistem Penyata Pencen Online yang telah diberi nafas baru ini boleh diakses melalui pautan laman web www.jhev.gov.my

Antara kebaikan  Sistem Semakan Penyata Pencen JHEV ATM adalah seperti berikut:

- Memudahkan veteran menyemak sendiri penyata pencen secara atas talian
- Merupakan sebuah sistem yang mudah dan mesra pengguna
- Memudahkan pihak JHEV ATM untuk menguruskan penyata pencen bagi pihak pesara.

# BAHAGIAN KEBAJIKAN

# 03

# Bahagian Kebajikan

Bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan dan pembayaran Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV ATM kepada:

1. Veteran ATM dan tanggungan mereka yang layak melalui skim-skim berikut:

## i. SKIM BANTUAN SARA HIDUP

Bantuan Sara Hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, daif, hilang upaya dan menghidap penyakit kronik berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM adalah sebanyak RM 300.00 sebulan. Pada tahun 2018, seramai 6,020 orang Veteran ATM, balu dan anak Veteran menerima manfaat Bantuan Sara Hidup yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 21,114,300.00.

## ii. BANTUAN PERSEKOLAHAN/KOLEJ VOKASIONAL KEBANGSAAN

Bantuan Persekolahan/Kolej Vokasional Kebangsaan adalah bantuan yang diberikan kepada Veteran ATM yang kurang mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak samada di peringkat sekolah rendah ataupun di sekolah menengah berdasarkan kelayakan mengikut pengiraan PGK. Bantuan ini hanya layak diberikan untuk seorang anak dalam satu keluarga. Seramai 1,079 orang penerima telah diluluskan Bantuan Persekolahan pada tahun 2018 berjumlah RM 713,900.00.

## iii. BANTUAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM/POLITEKNIK

Sebagai memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak Veteran ATM untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi, Jabatan juga menyediakan bantuan kewangan berbentuk pemberian secara one-off kepada anak-anak Veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran samada di peringkat diploma ataupun ijazah pertama mengikut kelayakan. Bantuan ini juga sekaligus dapat membantu meringankan beban kewangan Veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan ke Universiti Awam. Pada tahun 2018, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM 5,110,000.00 kepada 3960 orang penerima.

## iv. SKIM BANTUAN PERALATAN PERUBATAN

Bantuan ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada Veteran ATM, isteri dan tanggungan untuk membeli peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, tongkat, katil hospital, tilam dan sebagainya. Kadar bantuan maksimum adalah RM5,000.00 sekaligus. Sejumlah RM 422,248.24 telah dibelanjakan di bawah Skim ini pada tahun 2018.



Ketua Pengarah JHEV ATM menyerahkan Bantuan Sara Hidup kepada veteran.

## v. SKIM BANTUAN BENCANA ALAM

1. Bantuan Bencana Alam diberikan kepada veteran ATM untuk meringankan beban dan kesusahan yang dialami akibat bencana alam seperti banjir, kebakaran, ribut, dan sebagainya yang menyebabkan kerosakan pada struktur rumah yang didiami oleh Veteran ATM. Kadar bantuan maksimum adalah RM5,000.00 sekaligus. Pada tahun 2018, Jabatan ini telah membelanjakan sebanyak RM 231,900 yang melibatkan 285 orang veteran

2. Berhubung dengan agensi atau jabatan luar bagi mendapatkan maklumat bagi menentukan bantuan yang sesuai diberikan kepada bekas anggota tentera dalam menjaga kebajikan mereka.

3. Memberikan khidmat nasihat, perundangan, penerangan, lawatan dan menjawab pengaduan awam/veteran ATM mengenai masalah mereka dan kajian semula penerima bantuan yang sedia ada.

4. Membuat lawatan ke rumah Veteran ATM/tanggungan atas keperluan JKKP/kajian yang sedia ada.

5. Mengkoordinasi keperluan kursus motivasi untuk anak veteran ATM yang ditadbir oleh Cawangan Negeri.













Bilangan Penerima Skim Bantuan Kebajikan Dan Pendidikan Tahun 2018

| Skim Bantuan | Jumlah Penerima | Perbelanjaan |
|---|---|---|
| Sara Hidup | 6,020 | 21,114,300.00 |
| Sekolah | 1,079 | 713,900.00 |
| IPTA | 3,960 | 5,110,000.00 |
| Peralatan Pesakit | 300 | 422,248.24 |
| Bencana | 285 | 231,900.00 |
| **Jumlah** | **11,644** | **27,592,348.24** |

Carta Pai: Peratusan Perbelanjaan Bantuan Kewangan Tahun 2018







Ketua Pengarah dan pegawai JHEV ATM membuat lawatan veteran yang ditimpa bencana alam.




Pegawai JHEV ATM memberi bantuan peralatan pesakit kepada veteran.





Lawatan kebajikan Ketua Pengarah dan pegawai JHEV ATM di kediaman veteran ATM.

# BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

# 04

# Bahagian Kewangan dan Akaun

## PENGURUSAN PERAKAUNAN

1. Mengawal selia akaun Jabatan.
2. Menyelenggara akaun dan rekod yang lengkap serta kemas kini berhubung dengan perbelanjaan vot, hasil dan amanah Jabatan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua prosedur dan peraturan perakaunan dan kewangan yang berkuat kuasa.
4. Memperakaunkan terimaan hasil Jabatan.
5. Mengawal penutupan akaun mengikut tempoh yang ditetapkan.
6. Menyediakan laporan penyesuaian bank, penyesuaian amanah dan penyesuaian hasil Jabatan mengikut tempoh yang ditetapkan.
7. Menyediakan laporan Akaun Belum Terima (ABT) kepada Bahagian Akaun, Kementerian Pertahanan mengikut tempoh yang ditetapkan.
8. Menyediakan bajet bagi faedah-faedah persaraan, bantuan mengurus jenazah dan rawatan perubatan Veteran ATM Berpencen.

## PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

1. Menyediakan Anggaran Belanja Mengurus Jabatan.
2. Menyedia dan mengawal peruntukan dan perbelanjaan tahunan.
3. Mengurus semua pembayaran bil dan tuntutan.
4. Mengurus tempahan tiket pengangkutan awam.
5. Mengurus pesanan tempatan.
6. Mengurus terimaan dan akaun Panjar Wang Runcit.
7. Mengurus tadbir pejabat Bahagian Kewangan dan Akaun.
8. Mengurus tadbir hal-hal perkhidmatan, pengesahan dalam jawatan, kemasukan tetap & berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran, pengisytiharan harta, penilaian prestasi tahunan, persaraan dan tatatertib.
9. Mengurus tadbir aset dan inventori pejabat dengan lebih tersusun dan sistematik.
10. Mengurus semua hal ehwal perhubungan awam dan perkhidmatan pelanggan.

## PENGURUSAN BAYARAN

1. Mengawal aliran tunai Jabatan melalui pengurusan sumber-sumber kewangan jabatan secara ekonomi, mengikut peraturan, teratur dan berkesan.

2. Mengurus pembayaran bantuan kebajikan kepada Veteran ATM.

3. Menguruskan pembayaran balik perubatan kepada Veteran ATM yang berpencen.

4. Menguruskan pembayaran balik tuntutan perubatan kepada Veteran ATM tidak berpencen.

5. Menjalankan semakan terhadap semua baucar bayaran bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan yang dikuatkuasakan.

## PENGIKTIRAFAN/PENANUGERAHAN 2018

Bahagian Kewangan dan Akaun telah menerima penarafan 5 Bintang (Cemerlang) bagi Pengurusan Kewangan berdasarkan Accountability Index Monitoring (AIMS) Tahun 2018 6 Kawalan Pengurusan Kewangan.

## PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2018

| Bil | Program | Peruntukan (RM) | Perbelanjaan (RM) | % Perbelanjaan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | MINDEF B60 | 98,763,149 | 96,335,856 | 97.54 |
| 2 | Jabatan Perdana Menteri JPM B06 | 1,084,000 | 1,084,000 | 100.00 |
| 3 | Jabatan Perkhidmatan Awam JPA T14 | 3,113,919,000 | 3,065,190,252 | 98.44 |
| 4 | Jabatan Perkhidmatan Awam JPA B07 | 136,782,370 | 135,055,499 | 98.74 |
| 5 | Kementerian Kesihatan Malaysia KKM B42 | 47,120,000 | 47,020,261 | 99.79 |
| 6 | Kementerian Kewangan MOF B11 | 6,370,273 | 5,894,823 | 92.54 |
| | **Keseluruhan** | **3,404,038,792** | **3,350,580,691** | **98.43** |

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV ATM) bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM3,350,580,691.00 atau 98.43%. Lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah antara lainnya disebabkan langkah perbelanjaan berhemat.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)

Bagi Tahun 2018, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah mengadakan Mesyuarat JPKA sebanyak 4 kali dan memajukan Laporan Suku Tahun JPKA kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Pertahanan selaku urus setia dan penyelaras induk Mesyuarat JPKA Peringkat Kementerian untuk dimajukan selanjutnya ke Perbendaharaan sebagaimana yang ditetapkan oleh pekeliling Perbendaharaan Bil.10 tahun 2008. Tarikh pelaksanaan dan penghantaran pelaporan suku tahun JPKA adalah seperti Jadual 4.1 :

| Laporan | Tarikh Mesyuarat JPKA Peringkat Jabatan | Pengerusi JPKA Peringkat Jabatan | Tarikh Laporan Dikemukakan Ke Bahagian Kewangan, MinDef |
|---|---|---|---|
| Suku Pertama | 26 Mei 2018 | Ketua Pengarah | 27 April 2018 |
| Suku Kedua | 11 Julai 2018 | Ketua Pengarah | 13 Julai 2018 |
| Suku Ketiga | 19 Oktober 2018 | Ketua Pengarah | 23 Oktober 2018 |
| Suku Keempat | 16 Januari 2019 | Ketua Pengarah | 24 Januari 2019 |

# BAHAGIAN KERJAYA DAN SOSIOEKONOMI

# 05

# Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi

## KERJAYA SOSIOEKONOMI

1. Menjalankan aktiviti-aktiviti dengan berkesan untuk menaiktaraf sosioekonomi Veteran ATM dan juga balu Veteran ATM.

2. Melaksanakan aktiviti dan program ke arah membantu Veteran ATM di dalam keusahawanan.

3. Mengadakan kursus-kursus keusahawanan, pertanian mahupun perniagaan secara amnya disamping menyertai ekso-ekspo anjuran agensi Kerajaan bertujuan untuk mempromosikan hasil keluaran Usahawan Veteran ATM.

4. Mendaftar Veteran ATM dan bakal majikan untuk tujuan penjodohan pekerjaan.

5. Mengkoordinasikan Program bersama Majikan dan JHEV Negeri.

6. Mengkoordinasikan taklimat JHEV Negeri berkenaan persediaan persaraan, peranan dan tanggungjawab serta kemudahan yang terdapat di JHEV ATM kepada bakal pesara ATM di seluruh Markas Formasi ATM.

7. Mengkoordinasikan perjumpaan JHEV Negeri bersama Veteran ATM untuk memberi informasi tentang JHEV dan menghebahkan maklumat keperluan Veteran ATM secara lebih dekat melalui sesi dialog serta kaunter bergerak.

## OBJEKTIF BAHAGIAN KERJAYA DAN SOSIOEKONOMI JHEV

Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi JHEV ATM berfungsi sebagai medium perantaraan antara pihak jabatan dan golongan Veteran ATM melalui inisiatif yang berkaitan dengan usaha mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM, melaksanakan kursus/latihan jangka pendek untuk veteran, isteri, balu dan anak-anak, membantu Veteran ATM mendapatkan pekerjaan kedua di sektor awam atau swasta serta membantu mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan serta menyelaras khidmat bantuan dari jabatan dan agensi kerajaan berkaitan

## PROGRAM PENEMPATAN KERJA UNTUK VETERAN

Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kedua kepada Veteran ATM terutama kepada Veteran Tidak Berpencen. Ini melibatkan pelbagai sektor seperti kerajaan, pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan. Antara sektor syarikat berkaitan kerajaan dan swasta yang pernah terlibat adalah Cisco Security, Symphony Guardforce, Edra Power Sdn Bhd dan SWM Environment Sdn Bhd. Badan kerajaan lain



Pegawai JHEV ATM membantu memberi penerangan berkaitan persaraan.

yang pernah memberi peluang pekerjaan kepada Veteran ATM ialah Polis Diraja Malaysia dan Akademi Laut Malaysia (ALAM).

| Tahun | Daftar | Padanan | Lantikan |
|---|---|---|---|
| 2018 | 108 | 489 | 19 |



## KURSUS SOSIOEKONOMI VETERAN ATM

Mengadakan kursus-kursus keusahawanan, pertanian mahupun perniagaan secara jangka pendek di samping menjalankan aktiviti-aktiviti dengan berkesan bertujuan untuk memberi kemahiran dan pendedahan kepada Veteran ATM untuk menaiktaraf sosioekonomi Veteran ATM dan juga balu Veteran ATM.  JHEV setiap negeri akan melaksanakan kursus berpandukan permohonan jenis kursus yang paling mendapat sambutan serta memberi banyak manfaat kepada Veteran.



| Tahun | Kursus | Lokasi | Veteran |
|---|---|---|---|
| 2018 | Gunting Rambut | Kluang, Johor | 30 |
| 2018 | Refleksologi | Kluang, Johor | 29 |



## KAUNTER BERGERAK DAN KHIDMAT NASIHAT

Koordinasi Kaunter Bergerak dan khidmat nasihat oleh JHEV Pusat dan Negeri disamping turut sama dalam penglibatan dalam pameran anjuran MinDef/Kementerian/Agensi Luar. Pihak JHEV membantu dalam memberi penerangan berkaitan pengurusan dan perancangan persaraan kepada bakal pesara ATM semasa Forum Khidmat Nasihat dan Kaunter bergerak di Markas Formasi/Unit ATM. Selain itu juga ia membantu dalam menyampaikan maklumat melalui pameran dan promosi.

| Tahun | Lokasi | Veteran |
|---|---|---|
| 2018 | 91 | 3333 |

# BAHAGIAN DASAR

# 06

# Bahagian Dasar



▲ Ketua Pengarah JHEV ATM bergambar bersama veteran ATM.

1. Mengkaji dan menggubal dasar bagi mempertingkatkan taraf sosioekonomi serta kebajikan Veteran ATM.

2. Menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan sama ada Jemaah Menteri, Lembaga Menteri atau pihak lain yang berkaitan.

3. Menyelaras jawapan bagi soalan-soalan Parlimen berkaitan Jabatan dan hal ehwal Veteran ATM.

4. Memantau aktiviti-aktiviti yang dijadualkan oleh Yayasan Veteran ATM.

5. Menyelaras pengumpulan data dan maklumat berkaitan Veteran ATM.

6. Menyelaras Program KIK Jabatan.

7. Menyelaras Penyediaan Pelan Strategik dan laporan KPI Menteri Pertahanan.

8. Sebagai pegawai perhubungan antara Jabatan dengan agensi-agensi lain sama ada dalam atau luar negara.





## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### 1 Pendaftaran Persatuan

Bermula bulan November 2015, JHEV ATM berperanan sebagai pendaftar persatuan veteran di bawah Akta Veteran 2012. Sehingga 31 Dis 2018, sebanyak 141 persatuan induk dan 329 persatuan cawangan telah mendaftar di bawah JHEV ATM menjadikan jumlah sebanyak 430 persatuan berdaftar. Bermula tahun 2018, pembiayaan persatuan telah diluluskan sebanyak RM500,500.00.



### 2 Program Dialog Ketua Pengarah JHEV ATM Bersama Persatuan-Persatuan Veteran ATM



Program telah dilaksanakan pada 26 dan 27 Nov 2018 di Hotel Vivatel, Kuala Lumpur. Seramai 184 perserta yang mewakili 69 persatuan telah menghadiri program dialog ini. Tujuan dialog diadakan adalah bagi sesi ramah mesra antara Ketua Pengarah JHEV yang baharu bersama-sama persatuan-persatuan veteran. Di samping itu juga Ketua Pengarah JHEV telah menerangkan hala tuju beliau kepada peserta.



## 3 Mesyuarat Majlis Vetaran Kebangsaan (MVK)

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) Bil 1/2018 telah diadakan pada 24 Dis 2018 di Bilik Mesyuarat Board Room, Wisma Perwira ATM. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan dihadiri oleh ahli-ahli yang telah dilantik selaras dengan Akta Veteran 2012. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat yang pertama kali diadakan sejak penubuhan MVK pada tahun 2015.



Pegawai menguruskan pendaftaran veteran.





Ketua Pengarah JHEV ATM mengiringi YB Menteri Pertahanan masuk ke dalam dewan dan beramah mesra bersama pegawai JHEV ATM.







Wakil veteran memberi pandangan dan idea ketika sesi dialog bersama Ketua Pengarah.


Centre of Excellence in Skills Training
HARINA SKILLS TRAINING CENTRE
JPK Accredited Centre (L00925)
Address : Cp 205 & 206, Batu Kawah New Township, Jalan Batu Kawa, 93250 Kuching, Sarawak
Tel : 082-575984, 574984 Fax : 082-572984 E-mail : harina99@tm.net.my Website : www.harina.edu.my
STAFF ROOM
AMOGHA
HARINA










Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Wilayah Persekutuan Cawangan Putrajaya.



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 07 Unit Komunikasi Korporat

## PERHUBUNGAN AWAM

Dasar Skop Tugas dan Tanggungjawab Unit Komunikasi Korporat adalah yang disenaraikan seperti berikut:-

- Membuat pemantauan berita di media elektronik dan media cetak.
- Menyediakan jawapan berkaitan teguran atau aduan dan pandangan umum di media massa dengan menyediakan "Kenyataan Rasmi Jabatan" dengan kelulusan Ketua Pengarah dan seterusnya diedarkan kepada media berkaitan untuk tujuan siaran.
- Merancang dan mengaturkan Sidang Media mahupun wawancara di peringkat Jabatan atau Kementerian Pertahanan yang berhubung kait dengan JHEV.
- Mengaturkan liputan-liputan publisiti secara berpusat terhadap majlis rasmi Jabatan.
- Mengendalikan pameran awam bagi memberikan penerangan dan perkhidmatan secara langsung kepada kepada golongan sasaran.
- Merangka konsep atau imej yang digunapakai di peringkat Jabatan untuk tujuan promosi dan publisiti.
- Sebagai jurucakap Jabatan (dengan kelulusan Ketua Pengarah) bagi isu-isu atau maklumat-maklumat umum untuk hebahan di akhbar, radio atau televisyen.
- Mengekalkan hubungan baik secara berterusan dengan rakan-rakan dari media massa.
- Melaksanakan program dan aktiviti perpustakaan.

### 1 Lawatan Ke Agensi Media

Pada tahun ini, Bahagian Komunikasi Korporat telah menyelaras satu (1) lawatan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ke agensi media yang bertujuan untuk membina hubungan yang rapat dengan media.

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Malaysiakini | 2 Ogos 2018 |

### 2 Media Sosial

Sebagaimana yang ditetapkan dalam Hala Tuju Kementerian Pertahanan 2017, Teras Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Unit Komunikasi Korporat

ditugaskan untuk menyelaras dan memfokuskan penglibatan masyarakat (Society Engagement) yang memberi lebih perhatian kepada pengemaskinian rangkaian media sosial rasmi Jabatan iaitu Facebook dan Twitter.

| Bil | Platform | Januari 2018 | Disember 2018 |
|---|---|---|---|
| 1 | Facebook | 40,321 | 75,173 |
| 2 | Twitter | 2,719 | 1,157 |

Unit Komunikasi Korporat Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) bertanggungjawab menguruskan aduan, pertanyaan dan lain-lain oleh pelanggan JHEV ATM terutamanya para veteran ATM melalui pelbagai saluran seperti aduan atas talian, maklumbalas atas talian, emel aduan, facebook, telefon, akhbar, Biro Pengaduan Awam dan daripada Unit Komunikasi Strategik, Kementerian Pertahanan.

## PEMANTAUAN ADUAN/ PELANGGAN

Sepanjang tahun 2018, Jabatan telah menerima sebanyak 1892 aduan dan pertanyaan termasuk juga penghargaan, cadangan dan lain-lain dari pelbagai saluran. Pecahan jumlah tersebut mengikut kategori adalah seperti jadual berikut:

| Sumber | Jumlah Aduan |
|---|---|
| Laman Web | 581 |
| E-mel | 619 |
| Facebook | 523 |
| Surat /Faks | 10 |
| Telefon | 144 |
| Surat Khabar | 5 |
| Biro Pengaduan Awam | 10 |
| **Jumlah** | **1892** |










▲ 2 Ogos 2018, Lawatan Ketua Pengarah JHEV ATM ke Malaysia Kini









6 Februari 2018, Wawancara Ketua Pengarah JHEV ATM bersama RTM mengenai Hala Tuju JHEV ATM.







JHEV ATM telah membuka akaun media sosial bagi tujuan untuk mempromosikan dan menghebahkan mengenai info yang berkaitan veteran.

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# 08

# Bahagian Khidmat Pengurusan

## CAWANGAN PENGURUSAN

